

# PM umum skim baru bagi tentera

BH 1 NOV 1988

**KUALA LUMPUR, Khamis** — Perdana Menteri, **Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad**, hari ini mengumumkan pelancaran Skim Kematian dan Hilang Upaya untuk Angkatan Tentera, berkuatkuasa mulai esok.

Melalui skim itu, semua penjarum, sama ada penjarum wajib atau sukarela, secara automatik menerima faedah tanpa dikenakan bayaran tambahan.

Dengan pelancaran skim baru ini, pewaris atau penjarum yang kurang bernasib baik akan memperolehi bayaran tambahan di samping bayaran caruman dan keuntungan yang tersimpan dalam Tabung Angkatan Tentera.

Perdana Menteri yang juga Menteri Pertahanan, berkata bayaran tambahan itu akan diberikan kepada waris penjarum sekiranya mereka meninggal dunia sewaktu berkhidmat dalam Angkatan Tentera atau kepada penjarum sendiri sekiranya mereka diberhentikan atas sebab hilang akal atau upaya.

Bagaimanapun, Datuk Seri Dr Mahathir tidak memberi butir-butir lanjut skim itu.

Perdana Menteri memberi jaminan bahawa bayaran untuk skim baru itu tidak akan menjejaskan jumlah caruman dan keuntungan seseorang penjarum yang sedia tersimpan dalam Tabung Angkatan Tentera.

Sejumlah wang daripada keuntungan pelaburan Tabung Angkatan Tentera akan digunakan untuk mengendalikan skim itu, katanya ketika merasmikan Bangunan Lembaga Tabung Angkatan Tente-

ra (LTAT) di sini.

Di samping itu, kata Datuk Seri Dr Mahathir, Tabung itu juga dengan bantuan aktuari kerajaan sedang mengkaji sama ada penjarum boleh mengeluarkan sebahagian daripada wang mereka untuk membeli rumah.

## Caruman

Mengenai kemajuan Tabung itu, beliau berkata, sehingga ini, ia menubuhkan dua perbadanan — Perbadanan Perwira Niaga Malaysia (Pernama) dan Perbadanan Perwira Harta Malaysia — untuk menambah faedah, bukan sahaja kepada penjarum bahkan semua anggota tentera.

Katanya, Perwira Harta Malaysia membantu membina rumah bagi kakitangan Kementerian Pertahanan dan rumah kos rendah serta sederhana untuk dijual kepada penjarum Tabung itu dengan harga berpatutan.

Pernama pula ditubuh-

kan bagi mengambil alih operasi Naafi di Malaysia untuk menjual barang-barang keperluan pengguna kepada keluarga anggota tentera dengan harga yang berpatutan.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad gembira dengan usaha Tabung itu mempelbagaikan kegiatan pelaburan sebagai satu cara untuk meringkangi kejatuhan nilai wang penjarum kerana kemelesetan ekonomi.

“Melalui perancangan yang teratur dan kemas, pentadbiran Tabung ini berjaya mencapai prestasi yang baik dari tahun ke tahun dan menambah faedah serta menyediakan pelbagai kemudahan kepada penjarum-penjarumnya,” katanya.

Beliau berharap usaha-usaha itu akan dipertingkatkan lagi di samping mengekalkan amalan bersih, cekap dan amanah dalam melaksanakan tanggungjawab mereka.